



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : UNDANG-UNDANG HARTA
TANAH

KOD MATA PELAJARAN : BPE 1263

KURSUS : 1 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN
SAHAJA DARIPADA ENAM (6)
SOALAN.

- S1 “Ratifikasi” menurut Seksyen 149 Akta Kontrak 1950 bermaksud pengesahan atau penerimaan oleh Prinsipal atas sesuatu perbuatan atau tindakan yang di lakukan oleh Ejen tanpa arahan daripada Prinsipal atau sekiranya arahan diberi, Ejen telah melampaui kuasa yang diberi oleh Prinsipal tersebut.

Huraikan kesan daripada ratifikasi tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah dan seksyen-seksyen yang relevan.

(25 markah)

- S2 Menurut undang-undang kontrak, pelawaan untuk membuat tawaran bukanlah suatu tawaran. Ini adalah kerana tiada apa-apa penerimaan sepertimana menurut Seksyen 7 Akta Kontrak 1950, boleh di buat untuk mewujudkan satu kontrak. Oleh yang demikian, pelawaan untuk membuat tawaran hanya semata-mata satu ajakan atau jemputan satu pihak kepada pihak yang lain supaya membuat tawaran balas.

Huraikan situasi-situasi yang boleh diertikan sebagai pelawaan membuat tawaran. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah dan seksyen-seksyen yang relevan.

(25 markah)

- S3 Seksyen 63 Akta Kontrak 1950 (Akta tersebut) memperuntukkan sekiranya pihak yang berkontrak bersetuju untuk menggantikan sesuatu kontrak baru dengan kontrak yang asal atau membatalkan atau mengubahkannya, maka kontrak yang asal tidak perlu dilaksanakan. Peruntukkan Seksyen 63 menerangkan kesan novasi, pembatalan dan pengubahan sesuatu kontrak. Manakala Seksyen 64 Akta tersebut memperuntukkan pelaksanaan secara remitan, dimana penerima janji boleh membebas atau mengurangkan pelaksanaan janji. Menurut kedua-dua seksyen, bahawa sesuatu kontrak tersebut boleh diwujudkan dan dihapuskan dengan perjanjian.

Huraikan pelepasan-pelepasan melalui cara perjanjian tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah.

(25 markah)

- S4 “Remedi” adalah satu cara yang diberikan oleh undang-undang untuk menguatkuasakan sesuatu hak atau bagi mendapatkan pampasan berbentuk wang bagi menggantikan pelaksanaan tersebut. Dengan demikian, apabila berlaku pelanggaran kontrak oleh satu pihak, maka pihak yang satu lagi mempunyai hak membuat tuntutan.

Huraikan DUA (2) jenis remedi, sepertimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang kontrak, di mana pihak yang tidak bersalah, boleh membuat tuntutan. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah.

(25 markah)

- S5 Lord Atkin dalam *Donoghue v. Stevenson (1932) AC 562* merumuskan perihal prinsip jiran seperti berikut:-

“Anda mestilah mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan perlakuan-perlakuan atau peninggalan-peninggalan yang anda boleh ramal akan mungkin mencederakan jiran anda. Siapakah jiran saya itu? Ia adalah orang yang paling dekat dan secara langsung terjejas oleh sebab perlakuan saya....”

Huraikan *ratio decidendi* hakim tersebut.

(25 markah)

- S6 *Res ipsa loquitur* bermaksud “fakta-fakta menyatakan dengan sendirinya”. Di sisi undang-undang, istilah tersebut bermaksud bahawa fakta kejadian itu dengan sendirinya mencukupi untuk memutuskan bahawa besar kemungkinan defendan telah cuai dan bahawa kecuaiannya menyebabkan kecederaan plaintif. Dalam erti kata lain, fakta kejadian itu menimbulkan anggapan kecuaiannya itu sendiri.

Huraikan pengertian pernyataan di atas. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada keputusan kes-kes mahkamah.

(25 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT